

05 FEB 2001

Fong-ICT

PERHIMPUNAN ICT DI BUKIT JALIL PADA 17 FEB

BAHARU, 5 Feb (Bernama) -- Kementerian Sumber Manusia akan menganjurkan perhimpunan Komunikasi dan Teknologi Maklumat (ICT) melibatkan kira-kira 8,000 pekerja dari semua sektor di negara ini di Stadium Putra, Bukit Jalil, Kuala Lumpur pada 17 Feb ini.

Menteri Sumber Manusia Datuk Dr Fong Chan Onn berkata pada perhimpunan itu, pekerja terbabit akan diberi pendedahan terhadap ICT dengan menggunakan lebih 1,000 unit komputer yang dilengkapi Internet.

"Tujuan perhimpunan itu ialah bagi membuktikan kepada pekerja bahawa jika mereka meluangkan masa di depan komputer untuk melayari Internet, mereka akan memperolehi ilmu kemahiran yang baru khususnya berkaitan hobi atau bidang yang mereka minati," katanya.

Fong, yang juga Pengerusi MCA Kelantan, berkata demikian kepada pemberita selepas menghadiri jamuan makan sempena sambutan Tahun Baru Cina anjuran MCA Kelantan di sini malam tadi.

Yang turut hadir pada majlis itu ialah Pengerusi Barisan Nasional (BN) Kelantan Datuk Mustapa Mohamed dan Timbalan Pengerusi MCA Kelantan, Liong Su Siang.

Fong berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed dijadual merasmikan perhimpunan itu.

Beliau berkata perhimpunan itu diharap dapat menggalakkan pekerja untuk mengikuti kursus ICT yang lebih panjang bagi menjadikan mereka pekerja mahir dan berpengetahuan.

Beliau berkata perhimpunan seumpama itu akan diperluaskan ke negeri-negeri supaya lebih ramai pekerja berpeluang mempelajari ICT.

Fong juga berkata kementerian menyediakan pinjaman RM5,000 setahun kepada setiap pekerja yang ingin mengikuti kursus dan latihan kemahiran melalui Skim Tabung Pembangunan Sumber Manusia.

Ditanya mengenai persediaan kerajaan jika berlaku pemberhentian ramai pekerja oleh syarikat-syarikat di negara ini berikutan krisis ekonomi yang melanda Amerika Syarikat, Fong berkata pihaknya mempunyai pelan luar jangka bagi menghadapi masalah itu.

Katanya Majlis Pembangunan Sumber Manusia akan menyediakan latihan singkat dalam bidang-bidang tertentu yang masih kekurangan pekerja kepada mereka yang terbabit bagi mendapatkan pekerjaan baru.

-- BERNAMA

BD RAR AKD